

Mahathir jadi primadonna Sidang Kemuncak NAM

U.M. - 4 SEP 1992

JAKARTA 3 Sept. — Ekoran ketiadaan beberapa orang primadonna biasa, Perdana Menteri Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad telah mencuri perhatian Sidang Kemuncak Negara-Negara Berkecuali (NAM) di sini.

Fidel Castro-dengan janggut terkenal serta curut dan ucapan yang menghentam 'imperialisme Amerika Utara' berada di Cuba, begitu juga pemimpin Libya Kolonel Muammar Gaddafi.

Presiden Iraq Saddam Hussein juga tidak menghadiri perhimpunan para pemimpin Dunia Ketiga kali ke-10 ini yang bermula di sini Selasa lalu.

Tanpa kehadiran ketiga-tiga pemimpin radikal ini, ucapan Dr. Mahathir yang provokatif telah menonjol dan membuatkan beliau mendapat perhatian ramai di celah-celah kira-kira 100 orang pemimpin lain yang hadir di sini.

Ucapan Dr. Mahathir - yang mengecam negara-negara maju khususnya Amerika - telah menghidupkan sidang ini yang biasanya membosankan dan menjadikan beliau tokoh yang menjadi perhatian lebih 2,000 para wartawan yang mencari berita panas.

Sekalipun kepintarannya berucap dan sikap radikalnya tidak sehebat Saddam Hussein, sidang ini memahami mesejnya.

Dr. Mahathir yang menjadi Perdana Menteri sebuah negara kuasa ekonomi baru di Asia Tenggara, bercakap secara terbuka apa yang beliau lihat sebagai 'yang benar' dengan wajah penuh keyakinan seorang pemimpin yang memba-

Daripada Jacques Boyer (AFP)

wa pertumbuhan ekonomi negaranya pada kadar lapan peratus sepanjang empat tahun lalu.

"Alam sekitar, hak asasi manusia dan demokrasi semua adalah alat penindasan ekonomi," Dr. Mahathir memberitahu sidang berkenaan.

Aktiviti pengganas Serb di Bosnia ialah "versi mereka mengenai apartheid yang dipanggil penghapusan *ethnic*", kata Dr. Mahathir yang asalnya seorang doktor.

Putar belit

Beliau menganggap orde baru dunia yang dilaungkan oleh Presiden Amerika George Bush "satu hal yang menakutkan kerana ia telah diputarbelitkan" dan menambah bahawa pilihan bagi negara-negara berkecuali sejak berakhirnya imbalan kuasa Soviet ialah sama ada "menyerah atau melawan".

Wartawan-wartawan asing dikecam kerana 'dikuasai oleh yang berkuasa' sementara Eropah dan Amerika diisytiharkan bersalah kerana sanggup menggunakan kekerasan di Iraq tetapi mengabaikan orang-orang Islam Bosnia.

Beliau juga mengecam negara-negara Barat kerana campur tangan dalam hal ehwal dalam negeri negara-negara sedang membangun.

Di tengah-tengah kecaumannya terhadap semua medan, Dr. Mahathir kelihatannya ialah seperti seorang pemimpin yang memandang berat kemak-

muran negaranya, seorang ahli perniagaan yang merasakan dia dihalang berniaga.

Menyentuh tentang topik hutang dunia, Perang Teluk dan pembaharuan Bangsa-Bangsa Bersatu untuk memberi lebih suara kepada negara-negara sedang membangun, Dr. Mahathir adalah pragmatik.

Negara-negara peminjam kecuai yang terlalu miskin harus membayar semua hutang, kata Dr. Mahathir, yang memberi sokongan kepada campurtangan tentera Bangsa-Bangsa Bersatu dalam perang Teluk.

Beliau juga menerima peluasan Majlis Keselamatan Bangsa-Bangsa Bersatu yang didesak oleh NAM tidak akan berlaku sekelip mata.

Mengulas terhadap anggapan para wartawan beliau telah muncul sebagai jurucakap baru Dunia Ketiga, Dr. Mahathir tertawa: "Saya sekarang 68 tahun," katanya.

Beliau mempertahankan pendiriannya yang provokatif sambil menyatakan beliau tidak bercadang menjadikan NAM sebagai alat perang menentang Barat, tetapi percaya ia harus menjadi kuasa pengimbang menentang penindasan.

Dr. Mahathir mengingatkan para wartawan bahawa beliau tidak selalu mengecam Amerika. "Kami bukan berperang," katanya sambil memberitahu Amerika ialah pelabur asing kelima terbesar di Malaysia.

Beliau juga tidak sahaja menumpukan kritiknya terhadap Barat. "Kita harus membetulkan keadaan dalam negeri kita," katanya. "Kita tidak harus menyalahkan semuanya pada faktor luar."